

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

SOALAN NO. 396

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya insinerator “sampah kepada tenaga” (WtE) diwujudkan di negara ini, bagaimanakah pihak berkuasa boleh memastikan agar insinerator teknologi baru ini tidak merbahaya kepada penduduk, malah memanfaatkan semua dengan tenaga elektrik yang dihasilkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan agar pembinaan loji insinerator tidak berbahaya kepada penduduk, selamat dan terbukti berkesan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan supaya teknologi yang dipilih perlu melalui penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan (JKPTSPK). JKPTSPK ini merupakan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh KPKT.
2. Selain itu, pelepasan ke udara dan air perlu dirawat dan hendaklah mematuhi had pelepasan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) pindaan 2014, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tenaga elektrik yang dihasilkan oleh loji insinerator boleh dijual semula dan akan membantu mengurangkan kos pengoperasian dan penyelenggaraan loji tersebut kelak. Sekian, terima kasih.